

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



BANK ISLAM SUMBANG 1,000 TABLET DAN PELAN DATA INTERNET BAGI PELAJAR DARIPADA KELUARGA KURANG MAMPU

Peruntuk lebih RM600,000 daripada BIMB Holdings Berhad, Zakat, AMAL dan Sadaqa House Bank Islam

KUALA LUMPUR, Isnin, [1 Mac 2021]: Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") dan syarikat induknya, BIMB Holdings Berhad ("BHB") hari ini telah menyantuni 30 keluarga kurang upaya cacat penglihatan di Brickfields, Kuala Lumpur untuk menyerahkan peranti tablet yang dilengkapi pelan data internet. Ia merupakan sebahagian daripada penyerahan 1,000 unit tablet khusus bagi membantu proses Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah ("PdPR") anak-anak daripada keluarga asnaf, mangsa banjir dan golongan kurang upaya ("OKU") terpilih di seluruh negara. Penyerahan sumbangan tersebut telah dilaksanakan secara berperingkat sejak 19 Februari lalu.

Penyediaan kemudahan ini yang selari dengan Matlamat 4 – Pendidikan Berkualiti, Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ("UNSDG"). Ia melibatkan dana daripada BHB, Zakat serta cabang tanggungjawab korporat AMAL dan platform pendanaan awam kewangan sosial Bank Islam, Sadaqa House.

Ketua Pegawai Eksekutif BHB dan Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Walaupun sekolah telah dibuka secara berperingkat, namun kami percaya bahawa tablet ini dapat terus dimanfaatkan pelajar. Kes COVID-19 dalam negara kini masih tidak menentu, berkemungkinan menyebabkan proses pembelajaran pelajar akan masih dijalankan secara dalam talian sebagai langkah untuk menekan penularan wabak dalam kalangan pelajar. Prihatin dengan kesukaran yang dialami, kami terpanggil untuk membantu menerusi penyerahan sumbangan tablet berserta pelan data internet selama empat bulan bagi memastikan pelajar terbabit tidak tercicir dalam pembelajaran mereka."

"Sebagai sebuah Bank yang Mendahulukan Kemakmuran untuk Semua, Bank Islam amat menitik beratkan usaha-usaha yang membawa kepada kesejahteraan segenap lapisan pelanggan dan komuniti di mana kami beroperasi, tanpa mengira

batasan kaum dan agama. Malah, pendidikan adalah salah satu bidang tumpuan dimana kami percaya bahawa ia adalah senjata penting dalam mempertingkatkan taraf hidup masyarakat, khususnya dalam kalangan kurang berkemampuan. Sejajar dengan matlamat pendigitalan pendidikan, kami berharap agar penyerahan tablet dan kemudahan data internet ini akan merapatkan lagi jurang digital yang wujud," ujar beliau.

Mohd Muazzam menambah, "Bank Islam amat berbesar hati dan bersyukur kerana berpeluang untuk menggembirakan anak-anak ini, pada masa yang sama meringankan beban yang ditanggung keluarga berkenaan. Pihak Bank komited untuk mengagihkan peranti ini kepada pelajar-pelajar di seluruh negara dan sehingga kini 500 buah peranti telah pun diserahkan.

Inisiatif di bawah teras AMAL dan platform pendanaan awam Sadaqa House ini mendapat kerjasama rakan strategik Bank Islam iaitu Yayasan Orang Buta Malaysia ("YOBM"), Jabatan Pendidikan Negeri ("JPN"), Pejabat Pendidikan Daerah ("PPD"), Lembaga Zakat Negeri, Pertubuhan Dakwah Islamiah Sekolah-sekolah Malaysia ("PEKDIS") dan Celcom Axiata Berhad.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.bankislam.com.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan orang Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila layari www.bankislam.com atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel. bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: wnorkhairi@bankislam.com.my Web: www.bankislam.com	Omar Atin Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: omar@bimbholdings.com Web: www.bimbholdings.com
---	---